



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَوَالِ اَكَامُ اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاہ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

15 RABIULAKHIR 1446H / 18 OKTOBER 2024M

**“BIJAK URUS KEWANGAN:
ELAK PENIPUAN WANG DAN BELITAN HUTANG”**

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Dengan Kerjasama:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) & Bank Negara
Malaysia (BNM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang
cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ^{قُلْ} إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾ (النساء: 58)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita berusaha bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Ketahuilah, hanya dengan sifat takwa, Insya Allah kita beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pada hari yang istimewa ini, marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: **“BIJAK URUS KEWANGAN: ELAK PENIPUAN WANG DAN BELITAN HUTANG”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Baginda Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**: “*Sesungguhnya setiap umat mempunyai fitnah(ujian), dan fitnah(ujian) bagi umatku ialah harta*” (Hadis riwayat Tirmidzi)

Sabda baginda Rasulullah SAW itu merupakan suatu peringatan bahawa setiap daripada kita akan diuji dengan harta sama ada jumlah itu banyak ataupun sedikit. Realitinya, ia benar-benar sedang berlaku. Antara ujian harta yang melanda umat Islam pada hari ini ialah masalah penipuan wang dan jerat hutang 'keliling pinggang'. Ada yang hilang tabungan wang ratusan ribu dalam sekelip mata akibat menjadi mangsa penipuan wang dan ada yang menjadi muflis akibat beban hutang yang berlebihan. Kedua-dua masalah ini berkongsi akar atau punca yang sama iaitu kurang kesedaran dalam merancang dan menguruskan kewangan dengan baik dan berkesan.

Gagal merancang, merancang kegagalan. Bagi mengelak daripada masalah ini terus berleluasa dalam kalangan umat, perancangan yang tersusun amatlah diperlukan. Mimbar pada kali ini akan menghuraikan beberapa langkah pengurusan kewangan yang bijak dan sistematik untuk kita sama-sama fikir, renung serta timbang-timbangkan.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Antara langkah yang boleh diambil ialah;

1. Membuat bajet

Bajet merupakan salah satu perkara asas kepada kewangan peribadi dan terbukti berkesan untuk mencapai keselamatan kewangan. Pengurusan bajet dapat menyemai sikap disiplin dan cermat dalam pengurusan kewangan seharian. Ia dapat membantu memastikan kita mempunyai wang yang mencukupi untuk jangka masa panjang dan semasa dalam

kecemasan, sekaligus mengelakkan diri kita daripada amalan suka berhutang dan sifat boros.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya”

2. Menabung atau membuat simpanan

Islam agama yang sederhana dan seimbang. Selain daripada menggalakkan umatnya untuk berinfaq, Islam juga membenarkan amalan menyimpan dan menabung. Hal ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan daripada Jabir bin ‘Abdullah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud:** “Mulakanlah dari dirimu sendiri dan bersedekahlah (menabung) untuk dirimu. Jika ada lebihan dari itu, maka ianya untuk keluargamu (anak dan isterimu). Jika ada lebihan dari itu, maka ianya untuk kerabat dekatmu. Jika ada lebihan dari itu, maka ianya untuk tujuan ini dan itu, yang ada di hadapanmu, di kanan dan di kirimu.” (Hadis riwayat Muslim)

Justeru, kita digalakkan untuk menyimpan sebahagian daripada hasil pendapatan atau gaji dari semasa ke semasa secara konsisten. Menabung sangat penting untuk kegunaan pada masa kecemasan dan sebagainya.

3. Berhati-hati dengan hutang

Membuat hutang bererti bersedia untuk memikul beban melunaskannya. Islam tidak melarang berhutang selagi mana ia tidak mendatangkan

kebinasaan dan menzalimi orang lain. Perkara yang harus diteliti sebelum kita berhutang ialah kemampuan kita untuk membayar semula hutang tersebut. Selain itu, dapatkanlah nasihat pihak yang berautoriti agar kita tidak terjerumus dengan komitmen hutang yang membebankan. Jika tidak mampu, maka janganlah berhutang. Berhutang sehingga membinasakan diri jelas dilarang dalam islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: *“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”*

4. Berhati-hati dengan penipuan

Kekal berwaspada dengan aktiviti penipuan atau *scammer* sama ada melalui atas talian, instrumen pelaburan dan pembiayaan. Kebiasaannya golongan penipu ini menyasarkan individu yang tidak curiga seperti warga emas dan golongan muda. Berhati-hati dengan panggilan telefon, emel, atau mesej yang meminta maklumat peribadi atau wang. Sentiasa sahkan kesahihan tawaran atau permintaan sebelum mengambil sebarang tindakan. Jika ia melibatkan instrumen kewangan pelaburan dan pembiayaan, pastikan juga instrumen tersebut patuh syariah.

5. Dapatkan nasihat profesional

Sekiranya kita tidak pasti tentang keputusan kewangan atau memerlukan panduan, adalah lebih baik kita merujuk dan berunding dengan penasihat kewangan. Mereka boleh memberikan pandangan yang berharga dan membantu membuat pilihan yang bijak. Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 43:

... فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “...Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui,”

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Setiap daripada kita harus sentiasa peka akan segala isu dan cabaran ekonomi yang berlaku di sekeliling kita, terutama isu penipuan dan hutang. Hendaklah kita berusaha merancang dan menguruskan kewangan dengan langkah bijak seperti yang telah dikongsikan sebentar tadi. Bagi sesiapa yang mempunyai hutang, diseru agar jangan sesekali lalai dalam melunaskan hutang tersebut.

Di Malaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional PTPTN yang merupakan agensi kerajaan telah menyediakan pinjaman pendidikan kepada para pelajar yang kurang berkemampuan dari sudut kewangan. Melalui perkhidmatan pinjaman pendidikan, PTPTN telah banyak membantu para pelajar kita menyambung pelajaran ke menara gading dan mencapai cita-cita yang diidamkan. Namun begitu, menurut berita yang disiarkan oleh Berita Harian bertarikh 21 September 2024, terdapat seramai 430,000 orang peminjam yang tidak pernah membayar hutang pinjaman pendidikan PTPTN ini. Mimbar mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada para peminjam agar tidak lalai akan tanggungjawab membuat bayaran balik pinjaman tersebut. Jadilah

peminjam yang amanah dan bertanggungjawab demi kelangsungan pinjaman pendidikan kepada generasi akan datang.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menyimpul khutbah pada kali ini, sekali lagi khatib menyeru agar kita sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Salah satu sifat takwa ialah menjaga amanah harta yang dititipkan ke atas diri kita. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisaa ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَها مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan

Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.
Mohon dijaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Hubungi [telefon:088-522127](tel:088-522127) / [emel:jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com) untuk sebarang pertanyaan/maklumat lanjut.